

# Kopi kanvas seni Tyler Wong

FOTO: BERNAMA

Mahir hasilkan seni *latte* yang rumit namun indah

KUALA LUMPUR

**M**inat mendalam Tyler Wong Khai Zeng terhadap kopi mendorong pemuda itu untuk menjadi seorang barista selepas menamatkan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kira-kira lapan tahun lepas.

Tyler Wong, 25, berkata, baginya kopi bukan sekadar minuman. Kopi ialah kanvas untuk beliau mempamerkan kemahiran dalam mencipta seni *latte* yang rumit namun indah.

Beliau yang telah bertanding dalam lebih 10 pertandingan seni *latte* dalam dan luar negara berkata, perjalanannya menguasai seni *latte* sangat mengujakan, memerlukan kemahiran serta latihan berterusan.

"Corak rumit pada permukaan kopi dihasilkan daripada gabungan espresso, susu dan buih halus.

"Hasil kerja keras, saya kini boleh menghasilkan pelbagai seni *latte* termasuk tulip, mawar, ikan emas, muka kartun, potret haiwan, unikorn dan banyak lagi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas acara Previu Pertunjukan dan Pameran Level Up Coffee (LUC) baru-baru ini.

Tyler Wong merupakan antara 140 peserta dari lapan negara yang akan berentap dalam pertandingan Level Up Coffee (LUC) di Quill City Mall bermula 3 hingga 5 Mei ini.

Pengasas LUC, Leslie Kwan Lik Peng berkata, pertandingan itu akan mem-babitkan tiga pertandingan *mar-quee* iaitu *Level Up Wing Tulip Latte Art Battle*, *Level Up Creative Beverage Battle* dan *Level Up Brewer Battle*, yang direka untuk menonjolkan kreativiti dan kepakaran barista pada peringkat global.

Beliau berkata, LUC telah memperkenalkan sistem ranking barista profesional pertama di dunia di Malaysia yang menggunakan teknologi termoden untuk mengesan penyertaan pertandingan.

"Selepas menghabiskan lebih dua tahun bekerjasama dengan pakar industri dan peminat kopi, kami mencipta sistem ranking yang telus, saksama dan inklusif.

"Dengan ranking LUC ini, kami harap akan memangkin evolusi industri kopi dengan menyediakan pengiktirafan yang tinggi dan peluang memajukan kerjaya untuk profesional kopi," katanya.

Sementara itu, Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Andre Lai yang turut hadir pada majlis itu berkata, Malaysia mempunyai ramai barista berbakat, yang kebanyakannya telah menerima pengiktirafan dalam pertandingan antarabangsa.

"Dengan inisiatif seperti sistem ranking dirintis LUC ini dan usaha gigih untuk meningkatkan status kopi istimewa di peringkat domestik dan antarabangsa, masa depan kelihatan cerah bagi profesional kopi Malaysia untuk meraih pencapaian baharu lebih tinggi di pentas antarabangsa," katanya. - *Bernama*




Tyler Wong mahir dalam mencipta seni *latte* yang rumit namun indah.

Tyler Wong telah bertanding dalam lebih 10 pertandingan seni *latte* dalam dan luar negara.



Tyler Wong merupakan antara 140 peserta dari lapan negara yang akan berentap dalam pertandingan LUC di Quill City Mall bermula 3 hingga 5 Mei ini.



Tyler Wong mencorakkan permukaan air kopi pada acara Previu Pertunjukan dan Pameran LUC baru-baru ini.